



# **KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**e-Keratan Akhbar Harian**

**Tarikh : 19 Ogos 2016**

**Rujukan: KKLW.UKK.600-11 (704)**

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**



## Pelajar MRSM Jeli menang EIE UniKL MSI

**KULIM 18 Ogos** - Kebijaksanaan empat pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Jeli, Kelantan menghasilkan produk plastik bio yang mampu membawa perubahan besar terhadap aspek kesihatan serta kebersihan melayakkan mereka muncul pemenang utama Pameran Inovasi Eureka (EIE).

Pelajar tersebut, Nurliana Ameera Mohamad Rohaizan, Noor Shaadah Abdullah Zawawi, Muhammad Luqman Nul Hakeem Ruslan serta Muhammad Arif Nor Azmi yang kesemuanya berusia 16 tahun merangkul hadiah tersebut setelah menewaskan 270 kumpulan lain termasuk dalam kalangan pelajar kolej dan universiti.

Menurut Nurliana Ameera, kemengan itu adalah kali kedua selepas mencapai kejayaan meraih emas dalam Olimpiad Pereka Muda Antarabangsa Malaysia (MIYO) di Pulau Pinang April lalu.

"Kemenangan ini menambah



**NURLIANA AMEERA MOHAMAD ROHAIZAN (kiri) dan Noor Shaadah Abdullah Zawawi bersama hadiah dimenangi di UniKL-MSI Kulim, Kedah, semalam.**

keyakinan kami memberi persembahan lebih baik untuk beraksi pada Anugerah Inovasi Negara dalam tempoh beberapa bulan lagi," katanya di sini hari ini.

Program kali ketiga itu merupakan anjuran Seksyen Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI).

Mengulas lanjut mengenai

produk tersebut, Noor Shaadah memberitahu, plastik bio itu dihasilkan daripada ubi itik atau nama saintifiknya *dioscorea esculenta* yang mudah didapati di pasaran.

"Kami berhasrat menjadikan produk ini sebagai bahan utama dalam penghasilan kapsul ubat bagi menggantikan kapsul-kapsul yang menggunakan gelatin babi sebagai bahan utama," katanya.



## Mara perlu tubuh universiti sendiri

**HULU LANGAT 18 Ogos** - Mara perlu mewujudkan universiti di bawah pengurusanya sendiri setelah pelbagai kecemerlangan dicapai.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Datuk Johan Abd. Aziz berkata, penubuhan universiti sendiri itu penting dalam memberikan pengajaran terbaik kepada pelajar-pelajar Mara yang melakar kecemerlangan setiap masa.

"Kita ingin melahirkan pelajar yang lebih cemerlang dalam pelbagai bidang. Kita juga akan menggalakkan mereka menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi, bukan sekadar diploma sahaja.

"Kita sentiasa menyediakan peluang kepada mereka untuk terus belajar sama ada di dalam mahupun luar negara. Pelajar perlu menyahut cabaran untuk terus menimba ilmu," katanya selepas merasmikan majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Kolej Profesional Mara, Beranang, di sini hari ini.

Majlis tersebut menyaksikan 400 pelajar kolej tersebut daripada jurusan Diploma Perakaunan, Diploma Perniagaan Tani, Diploma Pengajian Perniagaan, Asasi Pengkomputeran dan Pengkomputeran (Pembangunan Sistem) di bawah program *Higher National Diploma*.

Kesemua mereka mencatat pencapaian purata nilai gred (PNG) 3.5 ke atas setiap semester malah lapan daripadanya mencatat PNG 4.0 setiap semester.

Menurut Johan, majlis penyampaian anugerah kecemerlangan tersebut harus diteruskan bagi meraikan kejayaan anak muda yang bertungkus-lumus serta komited dalam akademik.

"Saya berharap pencapaian ini diteruskan di masa depan. Teruskan dengan semangat dan buktikan anda antara yang terpilih untuk mengharumkan nama kolej, Mara dan negara," ujarinya.